

SINGAPORE – CAMBRIDGE  
General Certificate of Education Ordinary Level

---

**BAHASA MELAYU**

**1148/1**

Kertas 1

**MALAY**

**SPECIMEN PAPER**

Paper 1

*With effect from 2024 examination*

**2 hours**

Additional Materials: Answer Booklet L

---

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Baca arahan yang diberikan bagi tiap-tiap bahagian dengan teliti dan jawab soalan seperti yang diarahkan.
2. Tulis jawapan kamu di dalam Buku Jawapan yang disediakan.
3. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.
4. Kamu tidak dibenarkan membawa Buku Jawapan keluar.

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman kosong.






Singapore Examinations and Assessment Board

**ARAHAN:** Jawab **dua** soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B.

**BAHAGIAN A**  
(20 markah)

**Arahan:** Tulis respons yang panjangnya tidak kurang daripada 120 patah perkataan berdasarkan konteks yang diberikan.

1

 <b>SEKOLAH MENENGAH SUTERA</b> 				
<b>SUARA HATI</b>				
Home	Resources	Project	<b>FORUM</b>	Contact Us
<b>Berkomunikasi dengan ibu bapa</b>				
<p>Ramai pelajar mengadu bahawa mereka menghadapi masalah untuk berkomunikasi dengan ibu bapa mereka. Kamu tidak keseorangan.</p> <p>Kongsi masalah kamu dan kami akan berusaha untuk membantu kamu.</p> <p><i>Edited 2 days ago. 435 users are following.</i></p>				
 <b>Jasmin</b>				
<p>Helo, kawan-kawan. Saya perlukan bantuan.</p> <p>Pada tahun ini, adik perempuan saya memasuki menengah satu. Dia mengatakan bahawa dia tidak mahu terus menjadikan tarian sebagai kegiatan kokurikulumnya. Sebenarnya, kegiatan kokurikulum ini telah disarankan oleh ibu bapa saya kerana semasa di sekolah rendah dahulu, adik saya pernah menganggotai kumpulan tarian dan dia dapat menari dengan sangat baik. Walau bagaimanapun, adik saya mahu menukar kegiatan kokurikulumnya kepada sesuatu yang berkaitan dengan sukan kerana dia ingin mencuba kegiatan yang baharu. Ibu bapa saya tidak bersetuju dengan keputusan adik saya. Bagi mereka, melibatkan diri dalam sukan boleh menyebabkan seseorang mudah tercedera.</p> <p>Sekiranya ada kawan-kawan yang aktif dalam sukan, bolehkah kawan-kawan berkongsi dengan saya cara-cara untuk mengatasi keprihatinan ibu bapa saya? Bagaimanakah pula saya boleh menasihati adik saya tentang keputusannya untuk menukar kegiatan kokurikulumnya itu?</p>				

- 2 Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Sebagai sebahagian daripada program selepas peperiksaan, sekolah kamu telah mengundang seorang penceramah untuk menyampaikan ceramah tentang gaya hidup sihat. Ramai pelajar berpendapat bahawa mereka memperoleh banyak manfaat daripada program itu.

Bayangkan kamu Akmal Aziz. Tulis e-mel kepada guru yang bertanggungjawab, Puan Huda Faizal, tentang program tersebut. Dalam e-mel kamu, nyatakan sebab-sebab program itu amat diminati oleh para pelajar. Sarankan juga program-program lain selepas peperiksaan yang bermanfaat kepada pelajar yang boleh dianjurkan pada masa hadapan.

### **BAHAGIAN B (40 markah)**

**Arahan:** Tulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 240 patah perkataan tentang satu daripada perkara-perkara di bawah ini.

- 3 Kamu merasakan bahawa kamu mempunyai tingkah laku yang baik dan keyakinan diri yang tinggi. Namun, satu kejadian telah berlaku yang menyebabkan kamu mengambil keputusan untuk mengubah diri kamu. Gambarkan kejadian tersebut dan terangkan juga reaksi orang-orang di sekeliling kamu terhadap perubahan kamu itu.
- 4 Sesuatu matlamat tanpa apa-apa perancangan akan menjadi sia-sia belaka. Bincangkan.
- 5 Pada mulanya, usaha kamu untuk membetulkan sesuatu keadaan telah mendapat tentangan. Namun, akhirnya, usaha kamu itu berhasil. Ceritakan peristiwa tersebut.

Selesai

**BLANK PAGE**

---

*Copyright Acknowledgements:*

Bahagian A Soalan 1  
Photographs

© Microsoft Word - Icons

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.